

02 MAY 1999

Rafidah-kritikan

ANGGOTA UMNO HARUS BERI PENJELASAN KEPADA RAKYAT

KUALA LUMPUR, 2 Mei (Bernama) -- Semua anggota Umno diingatkan supaya jangan pandang remeh kritikan-kritikan pembangkang terhadap kerajaan, yang mungkin dianggap bodoh, kerana jika usaha mematahkan perbuatan pembangkang itu tidak diambil, ada kemungkinan masyarakat akan terpedaya dengan semua tomanan yang dilemparkan itu.

Anggota Majlis Tertinggi, Datuk Seri Rafidah Aziz hari ini berkata pada masa ini timbul aliran atau sindrom tindak tanduk hipokrit pembangkang yang sanggup menghalalkan yang haram demi kepentingan politik mereka.

"Kita harus beri penjelasan kepada masyarakat perkara yang sebenar kerana jika kita biarkan ia berleluasa, akan ada orang yang tidak teliti akan terima semua yang dikatakan oleh pembangkang," katanya kepada pemberita selepas merasmikan majlis anugerah usahawan cemerlang Nona Roguy 1999, dekat sini.

"Adakalanya tomanan dan kritikan pembangkang dianggap terlampau bodoh dan Umno malas melayaninya.

Bagaimanapun, kita terpaksa menjawabnya kerana itu adalah tanggungjawab kita dan pembangkang menyatakan perkara yang bertentang dengan apa yang kita perjuangkan," katanya apabila ditanya mengenai kenyataan Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa anggota Umno seharusnya menjawab kritikan pembangkang.

Rafidah berkata ada masa pihak kerajaan tiada masa untuk membalas kritikan pembangkang itu kerana pemimpin negara sibuk dengan tugas masing-masing sedangkan pembangkang ada banyak masa berpolitik.

"Namun adalah wajar kita memberi penjelasan kepada rakyat ... kita tak perlu menjawab kepada pembangkang, tetapi kita sepatutnya beri penerangan kepada rakyat agar mereka tidak mudah tertipu.

Ketika berucap di majlis itu, beliau meminta usahawan terutamanya pengedar barangan jualan langsung supaya jangan campur adukkan politik dengan perniagaan.

Katanya, syarikat jualan langsung seperti Nona Roguy harus pastikan setiap pengedarnya membawa berita baik kepada pelanggan dan elak daripada menjadi tukang sampai cerita yang tidak baik.

"Kadang-kadang kita buat komen yang tak sepatutnya dan yang mendengar cerita itu 10 orang ... mereka tak tapis atau soal balik cerita yang didengarnya dan mereka terus percaya cerita itu, lebih-lebih lagi jika pengedar itu datang dari Kuala Lumpur," katanya.

Katanya, perbuatan itu sama seperti pepatah Inggeris bencikan muka potong hidung yang akan rugi ialah diri sendiri.

--BERNAMA

ARA RI